

Perkembangan Industri Kompetitif, Kualiti Produk Diperhebat

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 09 Mac 2018 10:23 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 202

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

JUMAAT, 9 MAC -

Berikutan perkembangan industri yang sangat kompetitif pada masa ini, kualiti penghasilan produk dan piawaian kualiti di negeri ini perlu diperhebat.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Raymond Tan Shu Kiah berkata, perkara itu penting untuk meningkatkan daya saing dan membolehkan produk diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Kesemua itu hanya boleh dicapai melalui pengujian yang diiktiraf yang memerlukan teknologi serta kemudahan peralatan.

"Namun kekurangan fasiliti pengujian yang ada di Sabah menyebabkan banyak pihak industri terpaksa mendapatkan perkhidmatan pengujian di Semenanjung Malaysia dan ini melibatkan kenaikan kos operasi syarikat akibat kos penghantaran bahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Katalog Perkhidmatan dan Rundingan Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin.

Datuk Seri Raymond yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah berkata, industri yang berasaskan komoditi di Sabah iaitu petroleum, minyak kelapa sawit dan koko melibatkan aktiviti pemprosesan dan pengeluaran.

"Perkhidmatan analisis oleh UMS dapat membantu pemprosesan dan pengeluaran pihak industri dan saya percaya perkhidmatan yang diberikan oleh UMS dapat memperkembangkan lagi industri seumpama ini di Sabah," katanya.

Datuk Seri Raymond berkata, kementerianya sentiasa menyokong pembangunan industri di Sabah dan mengalukan kerjasama mana-mana pihak yang ingin membantu dalam usaha berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Dr Shahril Yusof berkata, Katalog Perkhidmatan dan Rundingan UMS menyenaraikan lebih 35 analisis, lebih 100 peralatan sains untuk pengujian dan sewaan, lebih 50 peralatan pengujian dan pemprosesan makanan.

"Dengan adanya kepakaran dan fasiliti sedia ada, UMS berupaya melakukan pelbagai jenis pengujian dan menawarkan perkhidmatan kepada pihak industri, agensi penyelidikan, dan sektor awam," katanya.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.